

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



MEMANAH

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Pertandingan Memanah MASUM akan menggunakan peraturan sepertimana berikut:

- 1.1.1 Tertakluk kepada Peraturan Am MASUM.
- 1.1.2 Mengikut peraturan terkini yang terkandung di dalam undang-undang 'World Archery' (WA).
- 1.1.3 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi penafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi merujuk kepada 'World Archery' (WA).

1.2 Acara yang dipertandingkan adalah sepertimana berikut:

Acara	Lelaki	Wanita	Campuran
Individu	Recurve	Recurve	
	Compound	Compound	
Berpasukan	Recurve	Recurve	Recurve
	Compound	Compound	Compound

1.3 Setiap pasukan IPTA dibenarkan menghantar penyertaan seperti berikut:

- 1.3.1 8 orang atlet lelaki, 8 orang atlet wanita dan 4 orang pegawai/jurulatih pasukan.
- 1.3.2 Acara individu : maksimum 4 orang atlet bagi setiap kategori.
- 1.3.3 Acara berpasukan : bagi setiap kategori, 3 orang atlet yang mencatat skor terbaik pada pusingan kelayakan akan dipilih secara automatik untuk bertanding dalam acara berpasukan.
- 1.3.4 Acara berpasukan campuran : bagi setiap kategori, 2 orang atlet (1 lelaki & 1 wanita) yang mencatat skor terbaik pada pusingan kelayakan akan dipilih secara automatik untuk bertanding dalam acara berpasukan campuran.

1.4 Sekiranya terdapat sebarang pertukaran nama dalam acara berpasukan dan berpasukan campuran, makluman hendaklah dibuat secara bertulis dan diserahkan kepada pegawai teknikal pertandingan selewatnya 1 jam sebelum pertandingan acara tersebut bermula.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kejemilangannya Sukan Universiti



2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Acara Individu

2.1.1 Pusingan Kelayakan (50m Round & 70m Round)

2.1.1.1 Setiap pemanah akan bertanding di dalam pusingan kelayakan 50m Round bagi acara compound dan 70m Round bagi acara recurve.

2.1.1.2 Setiap pemanah akan memanah sebanyak 72 batang anak panah (36 batang pada setiap set).

2.1.2 Pusingan Kalah Mati (Olympic Round)

2.1.2.1 64 pemanah terbaik daripada pusingan kelayakan akan dipilih untuk bertanding di dalam pusingan kalah mati. Setiap pemanah akan disusun mengikut jadual pertandingan yang telah ditetapkan (lihat undang-undang WA).

2.1.2.2 Bagi kategori recurve, pemanah akan memanah pada jarak 70m dengan menggunakan "target face" 122cm dimana kiraan menggunakan "set system" (lihat undang-undang WA).

2.1.2.3 Bagi kategori compound, pemanah akan memanah pada jarak 50m dengan menggunakan "target face" 80cm (6 rings) dimana kiraan menggunakan "cumulative scoring" (lihat undang-undang WA).

2.1.2.4 Setiap perlawanan akan menemukan dua (2) pemanah dan pemenang akan maju ke peringkat seterusnya hingga ke perlawanan akhir.

2.2 Acara Berpasukan

2.2.1 16 pasukan (3 pemanah teratas setiap pasukan) akan dipilih berdasarkan daripada markah yang dikumpulkan oleh pemanah-pemanah dalam pusingan kelayakan.

2.2.2 Pasukan tersebut akan bertanding secara kalah mati dimana bagi kategori recurve akan memanah pada jarak 70m menggunakan "target face" 122cm dengan kiraan "set system" manakala bagi kategori compound akan memanah pada jarak 50m menggunakan "target face" 80cm (6 rings) dengan kiraan "cumulative scoring", mengikut jadual pertandingan yang telah ditetapkan (lihat undang-undang WA).

2.2.3 Setiap perlawanan akan menemukan dua (2) pasukan dan pemenang akan maju ke peringkat seterusnya hingga ke perlawanan akhir.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Keunggulan Sukan Universiti



2.3 Acara Berpasukan Campuran

- 2.3.1 16 pasukan (2 pemanah setiap pasukan, 1 lelaki & 1 wanita daripada kategori dan pasukan yang sama) teratas akan dipilih berdasarkan daripada markah yang dikumpulkan oleh pemanah-pemanah dalam pusingan kelayakan.
- 2.3.2 Pasukan tersebut akan bertanding secara kalah mati dimana bagi kategori recurve akan memanah pada jarak 70m menggunakan "target face" 122cm dengan kiraan "set system" manakala bagi kategori compound akan memanah pada jarak 50m menggunakan "target face" 80cm (6 rings) dengan kiraan "cumulative scoring", mengikut jadual pertandingan yang telah ditetapkan (lihat undang-undang WA).
- 2.3.3 Setiap perlawanan akan menemukan dua (2) pasukan dan pemenang akan maju ke peringkat seterusnya hingga ke perlawanan akhir.

Recurve		Compound
<u>Lelaki/Wanita</u> Jarak 70m 70m Round 6 ends (6 arrow/end) Target Face 122cm	Pusingan Kelayakan	<u>Lelaki/Wanita</u> Jarak 50m 50m Round 6 ends (6 arrow/end) Target Face 80cm (6 rings)
Jarak 70m Target Face 122cm 5 sets (3 arrow/set) Set system	Pusingan Olimpik Individu	Jarak 50m Target Face 80cm (6 rings) 5 ends (3 arrow/end) Cumulative scoring
Jarak 70m Target Face 122cm 4 ends (6 arrow/end) Set system	Pusingan Olimpik Berpasukan	Jarak 50m Target Face 80cm (6 rings) 4 ends (6 arrow/end) Cumulative scoring
Jarak 70m Target Face 122cm 4 ends (4 arrow/end) Set system	Pusingan Olimpik Berpasukan Campuran	Jarak 50m Target Face 80cm (6 rings) 4 ends (4 arrow/end) Cumulative scoring

- 2.4 Etika Pakaian : Setiap pasukan hendaklah mematuhi kod pakaian yang telah ditetapkan dalam peraturan 'World Archery' (WA).

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Ke gemilangan Sukan Universiti



2.5 Hadiah-Hadiah

Hadiah akan disediakan seperti berikut:

2.5.1 Pusingan Kelayakan (50m Round & 70m Round)

2.5.1.1 Johan - Medal (Lelaki & Wanita)

2.5.1.2 Naib Johan - Medal (Lelaki & Wanita)

2.5.1.3 Ketiga - Medal (Lelaki & Wanita)

2.5.2 Pusingan Olimpik Individu – Setiap Kategori

2.5.2.1 Johan - Medal (Lelaki & Wanita)

2.5.2.2 Naib Johan - Medal (Lelaki & Wanita)

2.5.2.3 Ketiga - Medal (Lelaki & Wanita)

2.5.3 Pusingan Olimpik Berpasukan – Setiap Kategori

2.5.3.1 Johan - Medal (Lelaki & Wanita)

2.5.3.2 Naib Johan - Medal (Lelaki & Wanita)

2.5.3.3 Ketiga - Medal (Lelaki & Wanita)

2.5.4 Pusingan Olimpik Berpasukan Campuran – Setiap Kategori

2.5.4.1 Johan - Medal

2.5.4.2 Naib Johan - Medal

2.5.4.3 Ketiga - Medal

2.5.5 Johan Keseluruhan (Berdasarkan kutipan pingat. *pingat acara berpasukan campuran tidak diambil kira dalam menentukan pemenang)

2.5.5.1 Johan Keseluruhan Lelaki - Piala

2.5.5.2 Johan Keseluruhan Wanita - Piala

3. RINGKASAN PENYERTAAN

Pendaftaran penyertaan maksimum bagi setiap pasukan adalah seperti berikut:

Acara/Kategori	Lelaki	Wanita	Pegawai/Jurulatih
Recurve	4	4	3
Compound	4	4	
Jumlah	8	8	3